

07 MAY 2002

Aero Angkasa/I

MEREALISASI INDUSTRI AERO ANGKASA MENERUSI AKTIVITI PENERBANGAN AM

PUTRAJAYA, 7 Mei (bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat kedua Majlis Aero Angkasa Malaysia di pejabatnya di sini, hari ini.

Mesyuarat itu juga dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Satu kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu oleh Kumpulan Perindustrian Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) menyebut mesyuarat itu menumpukan pada agenda merealisasikan industri aero angkasa melalui aktiviti penerbangan am.

Aktiviti penerbangan am menurut kenyataan itu merujuk kepada aktiviti penerbangan yang luas dan pelbagai yang berkaitan dengan semua pesawat yang boleh terbang kecuali yang berkaitan dengan ketenteraan, syarikat penerbangan komersil yang besar dan angkasa lepas.

Menurut kenyataan itu Malaysia telahpun memulakan satu aktiviti penerbangan am sejak pertengahan 90-an dengan pengeluaran pesawat 'Eagle'.

Might berkata industri perkilangan pesawat terbang ringan juga sedang dikaji semula untuk dijadikan fokus aktiviti penerbangan am memandangkan Malaysia mempunyai pengalaman dalam penyelidikan dan pembangunan serta pemasaran pesawat ringan.

"Ini dipertingkatkan lagi apabila Malaysia menjadi negara Asia pertama untuk memperolehi persijilan Pentadbiran Penerbangan Amerika Syarikat dan perjanjian perkhidmatan penerbangan dua hala.

Might berkata penerbangan am mempunyai pelbagai potensi yang boleh dieksploitasi untuk pembangunan bidang-bidang lain dalam industri aero angkasa.

Ini termasuk pewujudan asas yang perlu bagi pembangunan menyeluruh industri-industri, pasaran global yang besar dan peningkatan keupayaan teknikal.

Majlis Aero Angkasa Malaysia ialah jawatankuasa pemandu kebangsaan dan pembuat keputusan bagi pembangunan industri aero angkasa di Malaysia.

Ia berada di bawah rangka kerja industri aero angkasa dan penubuhannya adalah satu daripada 45 syor yang terkandung dalam program perintis Aero angkasa kebangsaan.

-- BERNAMA

SR AKT ZS PR